

# Jualan mega tarik sejuta pelancong

BH 27 NOV 2000  
Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Ahad – Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjangka kira-kira sejuta pelancong akan mengunjungi negara ini sepanjang Karnival Jualan Mega Disember yang berlangsung bulan depan.

Ketua Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM), Abdullah Jonid berkata, jangkakan itu berdasarkan aliran kedatangan pelancong ke negara ini pada Jualan Mega Malaysia yang diadakan Ogos lalu.

Beliau berkata, aliran kedatangan pelancong setiap tahun pada November dan Disember juga diambil kira dalam menentukan sasaran itu.

“Setiap tahun, jumlah pelancong terutamanya dari Asia yang ke negara ini bertambah setiap hujung tahun. Pada November tahun lalu, kira-kira 860,000 pelancong melawat negara ini manakala 760,000 orang mengunjungi Malaysia pada Disember,” katanya pada sidang akhbar Karnival Jualan Mega Disember di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Pelancongan Domestik Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dalilah Ahmad dan Pengurus Besar Pembangunan Pelancongan Nasional (Pempena), Rosly Selamat.

Karnival Jualan Mega Disember yang bermula 2 Disember 2000 hingga 2 Januari 2001 adalah salah satu siri Karnival Jualan Mega yang berlangsung tiga kali setahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan karnival itu di Dataran Merdeka. Pelancaran seren-

tak juga diadakan di Melaka dan Langkawi.

Abdullah berkata, pada majlis pelancaran itu, satu perarakan khas beca dari Dataran Merdeka ke Jalan Tunku Abdul Rahman turut diadakan selain pelbagai acara menarik seperti jualan juadah terbuka puasa, demonstrasi membuat kraftangan dan persembahan kanak-kanak.

Beliau berkata, karnival kali ini lebih menarik kerana ia diadakan sempena musim perayaan yang disambut rakyat Malaysia.

Katanya, sempena karnival itu, orang ramai boleh mendapatkan tawaran harga sehingga 70 peratus bagi semua barangan, terutamanya untuk persediaan persekolahan, perayaan Krismas, Aidilfitri, Tahun Baru dan Tahun Baru Cina.

“Kementerian mengadakan peraduan khas jualan mega yang menawarkan hadiah seperti kereta TD2000 berharga RM160,000, wang tunai, komputer peribadi, pakej pelancongan dan tiket penerbangan, barang kemas, jam dan aksesori,” katanya.

Maklumat dan borang penyertaan peraduan boleh diperolehi melalui laman web [www.MalaysiaMegaSales.com](http://www.MalaysiaMegaSales.com). sepanjang karnival berlangsung.

Ditanya mengenai sasaran jualan ketika karnival berlangsung, Abdullah berkata, pihaknya menjangka peniaga mendapat keuntungan sehingga 30 peratus berbanding jualan murah lain.

Pada karnival yang lalu, katanya, kebanyakan daripada 800 kedai yang mengambil bahagian, mencatatkan peningkatan keuntungan sebanyak 20 hingga 30 peratus.